Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

# JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG
# PENANG BAR COMMITTEE

CPC 44/21

13 Sept 2021

To Members of the Penang Bar,

**Feedback and Comments from Office of Lands and Mines, Penang ("PTG Penang") pertaining to the Presentation and Registration of Documents and Related Matters at the Counters of PTG Penang**

Further to our Circular CPC 43/21, we have received feedback and comments from the Chief Assistant Director of the Land Title Registration Unit, Office of Lands and Mines, Penang ("PTG Penang"), Puan Azlina Baizura Binti Abu Bakar Tajudin entitled "*PENDAFTARAN DOKUMEN URUSAN TANAH DI KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG*" pertaining to the Presentation and Registration of Documents and related matters at the counters of PTG Penang.

Members are requested to take note that each legal firm is given **30 minutes per appointment slot** at the counters of PTG Penang for Presentation and Registration of Documents or any other related matters.

Members and legal firms are reminded to **strictly adhere to the time limit** set by PTG Penang for their respective appointment slots so as to not delay subsequent appointment slots. Kindly comply with all directives of PTG Penang as per their feedback and comments which is appended below.

Members will be updated further as and when we receive additional information from PTG Penang.

**Zemilah Binti Mohd Noor**
**Chairperson**
**Conveyancing Practice Subcommittee**

Gmail **Penang Bar Committee <penangbar@gmail.com>**

# PENDAFTARAN DOKUMEN URUSAN TANAH DI KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG

**Azlina Baizura Abu Bakar Tajudin** <azlinabaizura@penang.gov.my> 9 September 2021 at 16:52

Tuan/Puan,

**PENDAFTARAN DOKUMEN URUSAN TANAH DI KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG**

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan emel daripada pentadbiran ini bertarikh 6 September 2021 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana makluman tuan/puan, Pentadbiran ini sedang melaksanakan urusan pendaftaran dokumen urusantanah melalui Sistem Temujanji Perserahan (STP) dan antara ketetapan yang telah dibuat adalah setiap pelanggan (wakil firma guaman) yang mendapat slot temujanji diperuntukkan masa berurusan selama tiga puluh minit (30 minit) bagi satu slot, di mana jenis urusan yang terlibat tidak dihadkan dan terpulang kepada pemohon, namun tertakluk ketetapan masa berurusan terhad selama 30 minit sahaja;

3. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini mendapati terdapat **wakil yang hadir daripada pihak firma guaman (*runner)* yang mendesak petugas kaunter untuk menyiapkan dokumen yang dibawa walaupun telah melebihi waktu yang ditetapkan dan ada juga yang melebihi waktu sehingga melangkaui waktu rehat. Hal ini telah memberi kesukaran kepada petugas kaunter. Selain itu juga, tindakan wakil firma guaman ini mengakibatkan slot temujanji firma guaman lain terganggu dan boleh menyebabkan firma guaman lain akan kehilangan slot. Perkara ini juga mendatangkan masalah kepada aturan temujanji yang telah dibuat.**

4. Oleh itu, diminta firma-firma guaman untuk **memberi teguran kepada *runner* masing-masing supaya lebih berhemah dan patuh kepada had masa yang telah ditetapkan.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah

**AZLINA BAIZURA BINTI ABU BAKAR TAJUDIN**

KETUA PENOLONG PENGARAH

UNIT PENDAFTARAN HAKMILIK TANAH

PEJABAT TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG